



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**16 Ogos 2023  
29 Muharam 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Guna kepakaran bantu sektor pertanian
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		4	16/8/2023



KHALED (empat dari kanan) menyaksikan penyerahan replika cek pada Majlis Perasmian Persidangan Keterjaminan Makanan Kebangsaan 2023 di Universiti Putra Malaysia, Serdang semalam.

## IPT perlu bergabung atasi isu keterjaminan makanan

# Guna kepakaran bantu sektor pertanian

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**SERDANG** – Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menggesa lebih banyak universiti terlibat dalam membantu mengatasi isu keterjaminan makanan yang kini menjadi masalah global.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ini kerana universiti mempunyai banyak kepakaran dan penyelidikan yang boleh mengembangkan lagi sektor pertanian dalam negara.

Pada masa sama katanya, KPT akan melihat dan merangka bagaimana untuk mengoptimalkan pelbagai Pusat Kecemerlangan (CoE) dan Program Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HiCoE) yang ada di semua institusi pengajian tinggi (IPT).

"Kesemua pusat ini mesti bekerjasama dan menggabungkan kekuatan untuk negara.

"Universiti tidak boleh berhenti sekadar menjadi tempat rujukan. Universiti mesti turut mengambil langkah memacu dan memimpin perubahan merentas pagar kampus," katanya.

Mengulas lanjut, Khaled berkata, antara universiti yang dilihat mampu menjadi penyumbang kepada isu keterjaminan makanan ini adalah UPM.

Ini kerana katanya, kerajaan pernah mengkhususkan UPM sebagai universiti pertanian yang dibangunkan dengan mandat, fokus dan harapan untuk memberi segala pencerahan dan membina kepakaran dalam pertanian.

"UPM merupakan universiti yang mampu melaksanakan isu besar ini (keterjaminan makanan) menerusi penyelidikan dan kajian seterusnya akan menguat serta mengukuhkan sektor pertanian dalam negara.

"Ia bukan sahaja dapat me-

ngatasi masalah ini, tetapi dapat melahirkan peluang serta pihak yang menceburkan diri dalam bidang pertanian," katanya.

Terdahulu, pada persidangan tersebut, Khaled melancarkan varian baharu padi hasil penyelidikan UPM yang dinamakan sebagai Putra 1 dan Putra 2.

Menurut beliau, kedua-dua varian tersebut dapat meningkatkan pengeluaran padi kepada petani dan ia mampu bertahan dalam keadaan cuaca ekstrem serta serangan penyakit.

"Jadi kita sarankan supaya pesawah dalam negara dapat menanam padi yang dihasilkan oleh UPM ini.

"Ada banyak lagi produk-produk lain yang telah saya minta universiti hasilkan supaya dapat meningkatkan hasil pertanian negara dan memberi pulangan lumayan kepada mereka yang menceburi bidang pertanian; ujarnya.